



JURNAL LINGUISTIK Vol. 30 (1) Mei 2026 (122-139)

Unsur Semiotik dalam Dialog Filem 'Tiga Abdul' Arahkan P.Ramlee (1964)

¹Nurul Ain Sana'a Suhaimi & ^{*2}Nurul Jamilah Rosly

[¹ainduhaimi0434@gmail.com](mailto:ainduhaimi0434@gmail.com), [*²nuruljamilah@iiium.edu.my](mailto:nuruljamilah@iiium.edu.my)

Jabatan Bahasa Melayu
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Tarikh terima : 10 Februari 2026
Received
Terima untuk diterbitkan : 23 April 2026
Accepted
Tarikh terbit dalam talian : 31 Mei 2026
Published online

Abstrak

Semiotik dalam filem merujuk kepada kajian tentang tanda, simbol dan makna yang disampaikan melalui unsur visual, audio, dialog, serta naratif. Dalam konteks filem, semiotik membantu penonton memahami ideologi, nilai budaya, dan mesej tersembunyi yang disampaikan oleh pengarah filem. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis unsur semiotik dalam dialog filem Melayu klasik *Tiga Abdul* arahan P. Ramlee, serta meneliti bagaimana dialog tersebut berfungsi sebagai medium penyampaian ideologi kepada penonton di samping mencerminkan budaya masyarakat Melayu. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan menggunakan pendekatan teori Roland Barthes (1915-1980). Kajian ini memfokuskan kepada filem *Tiga Abdul* arahan P. Ramlee. Pendekatan Roland Barthes telah memperkenalkan Teori Two Order Significations atau signifikasi dua peringkat iaitu penanda (signifier) dan petanda (signified). Elemen yang diaplikasikan bagi membantu kajian ini adalah pada peringkat denotasi, konotasi dan mitos. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa filem *Tiga Abdul* (1964) sarat dengan tanda-tanda semiotik yang mencerminkan nilai budaya, ideologi masyarakat dan kritikan sosial secara tersirat yang terbukti melalui kadar peratusan dialog yang tertinggi bertemakan sindiran sosial dan satira, iaitu lima dialog, tema konflik kekeluargaan dan tema kuasa dan hierarki masing-masing empat dialog dan yang terakhir tema cinta dan manipulasi emosi sebanyak tiga dialog. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa filem bukan sekadar medium hiburan tetapi juga berperanan sebagai alat komunikasi budaya dan penyampai mesej sosial. Kesimpulannya, pendekatan Semiotik Roland Barthes membuka ruang interpretasi yang luas terhadap filem, sekali gus mengukuhkan peranan filem sebagai cerminan masyarakat.

Kata kunci: semiotik, filem Melayu klasik, gender, makna, ideologi

Semiotic Elements in the Dialogue of the Film 'Tiga Abdul' Directed by P. Ramlee (1964)

Abstract

Semiotics in film refers to the study of signs, symbols, and meanings conveyed through visual, audio, dialogue, and narrative elements. In the context of film, semiotics helps viewers understand the ideologies, cultural values, and hidden messages conveyed by the filmmaker. This study aims to identify the semiotic elements within the dialogues used in the classic Malay film 3 Abdul directed by P. Ramlee, which serves as a tool for conveying ideology to the audience while also reflecting cultural values. This research employs a qualitative method and adopts Roland Barthes' theoretical approach (1915–1980). The focus of this study is the film 3 Abdul by P. Ramlee. Roland Barthes' approach introduced the Theory of Two Order Significations — the two levels of

signification: the signifier and the signified. The elements applied in this study include the levels of denotation, connotation, and myth. The findings reveal that 3 Abdul (1964) is rich in semiotic signs that reflect cultural values, societal ideologies, and implicit social criticism. This is evidenced by the highest percentage of dialogues carrying themes of social satire and sarcasm (five dialogues), followed by family conflict and power and hierarchy (four dialogues each), and finally, the theme of love and emotional manipulation (three dialogues). The findings demonstrate that films are not merely a medium of entertainment but also serve as tools for cultural communication and the delivery of social messages. In conclusion, the semiotic approach opens up a broad space for interpretation of films, thereby reinforcing the role of cinema as a reflection of society.

Keywords: *semiotics, classic Malay film, gender, meaning, ideology*

1. Pengenalan

Kemunculan filem Melayu pertama iaitu Laila Majnun yang dihasilkan pada tahun 1933 telah membuka pintu kepada filem klasik Melayu yang mula berada diambang kegemilangannya pada tahun 1930-an hingga 1960-an. Sejak itu, pelbagai filem Melayu mula memenuhi kaca televisyen hitam putih masyarakat dahulu. Melihat kepada Seniman Agung Negara, iaitu P. Ramlee, beliau sering kali menambat hati para penonton melalui gaya lakonannya yang unik serta lantunan suaranya yang merdu. Malahan, karya agung daripada beliau kebanyakannya menjadi cukup popular dan malar segar sehingga ke hari ini. Karya agung yang diarahkan oleh beliau telah diiktiraf dalam sejarah perfileman. Filem “Tiga Abdul” yang cukup terkenal dengan jalan cerita yang menarik serta lagu-lagu yang dihasilkan masih cukup segar di ingatan para penonton sehingga kini. Menurut Nur Ezatull Fadteha Hedel dan Mary Fatimah Subet (2023), penggunaan bahasa tersirat yang terdapat di dalam filem P. Ramlee merupakan keunikan filem-filem klasik P. Ramlee sekali gus merupakan satu khazanah yang perlu dihargai oleh setiap lapisan masyarakat.

Dari sudut aspek gender serta kaitannya dengan ideologi masyarakat zaman dahulu, peranan gender didapati tidak diberi penekanan yang signifikan dalam norma kehidupan masyarakat. Terdapat fahaman dan pegangan masyarakat Melayu dahulu yang cukup teguh terhadap peranan gender iaitu wanita sebagai ibu dan penjaga rumah manakala peranan lelaki adalah sebagai ketua keluarga dan pencari nafkah. Melalui filem Tiga Abdul arahan P. Ramlee yang dijadikan sandaran kepada kajian ini, dapat dilihat bagaimana peranan gender yang wujud dalam masyarakat Melayu dahulu yang dicerminkan melalui interaksi antara watak lelaki dan wanita.

Oleh itu, Teori Semiotik telah digunakan melalui analisis perbualan dalam memahami bahasa yang digunakan untuk menyampaikan nilai dan ideologi gender di dalam filem ‘Tiga Abdul’. Teori Semiotik ialah teori yang mengkaji sistem perlambangan dan merupakan asas kepada pemahaman bagaimana makna dihasilkan melalui konsep penanda (signifier) dan petanda (signified). Pengkaji telah menggunakan filem Melayu Klasik yang bertajuk ‘Tiga Abdul’ sebagai wadah dalam merepresentasi nilai dan ideologi gender masyarakat pada masa itu. Justeru, filem Melayu klasik berpotensi dalam mempengaruhi pembentukan dan pengukuhan nilai dan ideologi gender dalam masyarakat. Meskipun begitu, filem juga mampu menjadi medium yang dapat digunakan untuk mengukuh atau mengubah sesuatu persepsi masyarakat terhadap peranan gender. Oleh itu, kajian ini akan melihat peranan dialog-dialog yang disampaikan oleh setiap watak mempengaruhi nilai dan ideologi masyarakat Melayu.

Secara umumnya, kajian ini bertujuan untuk menganalisis perbualan antara watak lelaki dan watak wanita yang terdapat di dalam filem Melayu klasik yang bertajuk “Tiga Abdul” arahan Almarhum P. Ramlee melalui teori semiotik yang melibatkan nilai dan ideologi masyarakat. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan bagi mencapai dua objektif iaitu mengenal pasti unsur semiotik dalam filem Tiga Abdul arahan P. Ramlee dan menganalisis unsur semiotik dalam watak bagi mencerminkan nilai serta ideologi masyarakat terhadap peranan gender dalam filem Tiga Abdul arahan P. Ramlee.

2. Sorotan Literatur

Berdasarkan kajian lepas, beberapa penyelidikan seperti oleh M Fazmi Hisham et al. (2019), Siti Hardiyanti Amri (2021) dan M Fazmi Hisham & Zairul Anuar Md Dawam (2019) telah menggunakan Teori Semiotik Roland Barthes untuk menganalisis aspek budaya, sastera, media dan fesyen sebagai sistem tanda. Namun, kajian yang memfokuskan penggunaan teori ini dalam filem Melayu klasik masih terhad, khususnya dalam meneliti tanda dan lambang. Oleh itu, kajian ini menumpukan Teori Roland Barthes bagi mengenal pasti unsur semiotik dalam filem *Tiga Abdul* arahan P. Ramlee serta menganalisis peranan watak dari aspek gender.

Kajian oleh Dhian Bintariana (2019) mengenai representasi perempuan dan alam dalam filem *Moana* menggunakan Teori Semiotik Roland Barthes menjadi rujukan penting bagi kajian ini. Kajian tersebut bertujuan menganalisis makna denotasi, konotasi dan mitos melalui data daripada filem menggunakan teknik dokumentasi dan catatan. Hasil kajian menunjukkan wujudnya hubungan simbolik antara perempuan dan alam yang dipaparkan melalui pelbagai adegan, sekali gus mencerminkan stereotaip masyarakat yang mengaitkan perempuan lebih dekat dengan alam berbanding lelaki.

Kajian kedua oleh Siti Hardiyanti Amri (2021) menganalisis isu gender dalam dua cerita rakyat, iaitu *Tempiq Empiq* dari Nusa Tenggara Barat dan *Mencari Ilmu Berumahtangga* dari Kalimantan Selatan menggunakan Teori Semiotik Roland Barthes. Kajian ini bertujuan meneliti sistem linguistik, mistik dan ideologi dalam kedua-dua cerita melalui pendekatan kualitatif dengan kaedah kajian pustaka. Data utama diperoleh daripada teks cerita rakyat tersebut, manakala sumber sokongan merangkumi buku, jurnal dan bahan berkaitan aspek sosio-budaya serta sejarah. Dapatan kajian menunjukkan kedua-dua cerita rakyat meletakkan lelaki pada kedudukan lebih tinggi dengan hak keistimewaan berbanding wanita, sekali gus membentuk stereotaip jantina dan hierarki kuasa. Melalui analisis denotasi dan konotasi, wujud tanda yang berkaitan mitos seksualiti dan maskuliniti, yang mencerminkan ideologi tersembunyi seperti bias jantina dan sistem patriarki yang masih berakar dalam masyarakat hingga kini.

Kajian oleh Nur Ezatull Fadtehah Hedel dan Mary Fatimah Subet (2023) meneliti perbualan berimplisit dalam filem klasik P. Ramlee menggunakan pendekatan semantik inkuisitif. Kajian ini bertujuan mengenal pasti ujaran tersirat serta menganalisis pemikiran dan keintelektualan masyarakat Melayu melalui reka bentuk kualitatif dan analisis kandungan, dengan fokus kepada filem *Seniman Bujang Lapok*. Dapatan menunjukkan dialog dalam filem P. Ramlee sarat dengan makna implisit seperti sindiran dan nasihat, sekali gus membuktikan bahawa karya beliau bukan sekadar hiburan tetapi mengandungi nilai intelektual yang tidak dapat difahami melalui makna harfiah semata-mata.

Berdasarkan kajian-kajian lepas, terdapat jurang dalam analisis unsur semiotik terhadap filem Melayu klasik kerana kebanyakan kajian Teori Semiotik Roland Barthes lebih tertumpu kepada filem moden, manakala kajian filem klasik pula lebih menekankan semantik inkuisitif. Oleh itu, kajian ini berbeza dengan kajian terdahulu kerana memberi tumpuan khusus kepada analisis unsur semiotik dalam dialog filem Melayu klasik, iaitu filem *Tiga Abdul* arahan P. Ramlee, dengan meneliti makna denotatif, konotatif dan mitos sebagai medium penyampaian ideologi.

3. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif deskriptif bagi meneliti makna tersirat di sebalik tanda, simbol dan mesej dalam filem *3 Abdul* arahan P. Ramlee. Analisis semiotik Roland Barthes diaplikasikan untuk memahami pembentukan makna melalui tiga tahap, iaitu denotasi (makna literal), konotasi (makna tersirat yang berkaitan dengan budaya dan ideologi), serta mitos yang mencerminkan ideologi dominan masyarakat. Pemilihan reka bentuk kualitatif ini adalah selaras dengan objektif kajian untuk mengenal pasti unsur semiotik serta menganalisis bagaimana watak-watak dalam filem mencerminkan nilai dan ideologi masyarakat terhadap peranan gender. Pendekatan kualitatif membolehkan pengkaji memperoleh pemahaman mendalam melalui huraian deskriptif terhadap

dialog, tingkah laku watak, dan konteks sosial yang tidak dapat diukur secara statistik.


Kajian ini memfokuskan kepada 60 minit pertama filem 3 Abdul kerana bahagian ini merangkumi fasa pengenalan watak dan perkembangan awal konflik yang sarat dengan dialog signifikan, sekali gus mencukupi untuk analisis semiotik yang mendalam dalam skop kajian yang terkawal. Kajian ini menganalisis dialog tiga watak utama, iaitu Abdul Wahab, Abdul Wahib dan Abdul Wahub, serta seorang watak sampingan, Sadiq Segaraga. Data dikumpulkan melalui teknik pemerhatian dan transkripsi verbatim dialog, yang melibatkan penukaran audio kepada teks bertulis secara menyeluruh termasuk unsur bukan verbal seperti ketawa dan batuk. Filem tersebut diperoleh melalui platform YouTube sebagai medium pengumpulan data. Analisis data dilakukan menggunakan analisis kandungan teks dengan mengekodkan dialog yang mengandungi unsur semiotik menggunakan kod D1 hingga D16. Data kemudiannya disusun dalam bentuk jadual analisis kandungan bagi memudahkan pengenalanpastian dan huraian unsur semiotik. Akhirnya, pengkaji membuat huraian kritis untuk mentafsir makna tersirat serta ideologi yang sama ada menyokong atau menyindir nilai sosial masyarakat.

3.1 Teori Semiotik Roland Barthes

Menurut M. Firmansyah et al. (2021), teori merupakan panduan utama dalam sesuatu kajian serta penentu arah hipotesis yang diuji. Teori Semiotik yang diasaskan oleh Ferdinand de Saussure dan diperluas oleh Roland Barthes tidak hanya memfokuskan bahasa, tetapi juga budaya, filem dan sebagainya. Menurut Mulyazir & Muhammad Fadhillah (2023), Barthes memperkenalkan signifikasi dua peringkat, iaitu hubungan penanda dan petanda pada peringkat pertama, serta makna konotatif pada peringkat kedua. Elemen utama teori ini ialah denotasi (makna literal), konotasi (makna tersirat) dan mitos (ideologi). Kajian ini akan mengaplikasikan teori tersebut bagi merungkai ideologi masyarakat dalam dialog filem.

Rajah 1

Model Teori "Two Orders of Signification" Roland Barthes




Elemen utama dalam teori Roland Barthes ialah denotasi, iaitu makna eksplisit sesuatu perkataan (*Kamus Dewan*, 2015), manakala konotasi merujuk kepada makna tersirat yang membawa idea tambahan selain makna literal (Mulyazir & Muhammad Fadhillah, 2023). Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menekankan analisis kandungan teks dalam filem 3 Abdul. Data diperoleh melalui transkripsi dialog dan dianalisis menggunakan Teori Semiotik Roland Barthes, membolehkan pengkaji mengenal pasti dan mentafsir mesej budaya, sosial, dan kuasa yang tersembunyi di sebalik dialog tanpa menumpukan kepada simbol lain.

4. Dapatan Kajian

Penelitian menunjukkan bahawa unsur semiotik dalam filem *Tiga Abdul* dapat dibahagikan kepada empat tema utama: kuasa dan hierarki, konflik kekeluargaan, sindiran sosial dan satira, serta cinta dan manipulasi emosi. Analisis terhadap 16 dialog dalam 60 minit pertama filem ini menunjukkan bahawa

setiap tema mewakili watak-watak dengan jelas. Unsur kekeluargaan, jenaka dan satira yang berpuitis dalam filem ini memudahkan pengkaji mengkelaskan dialog mengikut tema, dan peratusan kekerapan dialog bagi setiap tema ditunjukkan seperti berikut:

Rajah 2.
Peratusan Tema



Berdasarkan Rajah 2, dialog dalam filem *Tiga Abdul* diklasifikasikan kepada empat tema, iaitu kuasa dan hierarki, konflik kekeluargaan, sindiran sosial dan satira, serta cinta dan manipulasi emosi. Tema sindiran sosial dan satira mencatat jumlah dialog tertinggi, iaitu lima dialog (31%), sekali gus menunjukkan bahawa filem ini banyak menggunakan dialog sindiran sebagai medium kritikan bukan sahaja terhadap watak, malah terhadap masyarakat umum. Tema kuasa dan hierarki serta konflik kekeluargaan masing-masing merekodkan empat dialog (25%), yang mencerminkan penekanan filem terhadap nilai kekeluargaan dan realiti masyarakat yang mementingkan harta serta hierarki sosial, khususnya dalam konteks era 1960-an. Sementara, tema cinta dan manipulasi emosi mencatat peratusan terendah, iaitu tiga dialog (19%), sepanjang 60 minit pertama filem tersebut.

Kuasa dan Hierarki

Dalam masyarakat Melayu tradisional, kuasa dan hierarki sosial memainkan peranan penting dalam menentukan kedudukan seseorang, khususnya apabila kekayaan menjadi asas struktur sosial berteraskan sistem feodal. Kuasa merujuk kepada keupayaan individu mempengaruhi atau mengawal tingkah laku orang lain (Weber, 1978), manakala hierarki sosial ialah susunan berperingkat berdasarkan status, kuasa atau kekayaan (Kerbo, 2009). Kedua-dua elemen ini saling berkait apabila golongan berstatus tinggi memiliki pengaruh terhadap golongan bawahan. Dalam filem *Tiga Abdul*, tema kuasa dan hierarki ini jelas ditonjolkan melalui beberapa dialog yang dianalisis seperti dalam jadual berikut.

Jadual 1

Senarai Dialog yang bertemakan Kuasa dan Hierarki.

KOD	D3
WATAK	Abdul Wahab
MINIT	[28:32]
DIALOG	“Kepada kekandalah, kerana kekanda saudara tua”
TEMA	Hormat/ Hierarki keluarga
DENOTASI	Mengutamakan abang kerana usia.
KONOTASI	Menganggap dirinya lebih layak untuk mendapatkan harta si bapa memandangkan dia adalah abang sulung.

MITOS	Mitos bahawa anak sulung lebih layak mendapat harta ibu bapa.
KOD	D7
WATAK	Abdul Wahab
MINIT	[32:53]
DIALOG	<i>"Itulah tandanya, adinda anak yang durhaka!"</i>
TEMA	Penilaian moral/ konflik adik beradik
DENOTASI	Menuduh adik derhaka.
KONOTASI	Menggunakan gelaran 'derhaka' untuk menekan atau mengawal seseorang.
MITOS	Mitos bahawa ketaatan mutlak kepada ibu bapa menjadikan anak itu 'baik'.
KOD	D10
WATAK	Abdul Wahab
MINIT	[37:03]
DIALOG	<i>"Diam! Kau Cuma seorang khadam saja!"</i>
TEMA	Hierarki/ Kelas sosial
DENOTASI	Menengking khadam
KONOTASI	Merendahkan orang bawahan bagi menunjukkan kuasa seorang majikan atau golongan elit.
MITOS	Mitos bahawa orang atasan mempunyai tiket untuk menghina orang bawahan.
KOD	D11
WATAK	Abdul Wahab
MINIT	[37:20]
DIALOG	<i>"Sebab allahyarham ayahanda kita dulu, tidak membuat hitam dan putih."</i>
TEMA	Undang-undang/ Warisan
DENOTASI	Ayah tidak buat dokumen rasmi.
KONOTASI	Mengambil kesempatan terhadap tindakan si ayah yang membuka ruang untuk memanipulasi.
MITOS	Mitos bahawa keluarga tidak memerlukan bukti bertulis dan hanya atas dasar 'kepercayaan' semata-mata.

Analisis Dialog

Berdasarkan dialog D3 yang diujarkan oleh Abdul Wahab, iaitu abang sulung dalam kalangan tiga Abdul, unsur semiotik yang dikenal pasti ialah frasa 'saudara tua' (penanda) yang membawa maksud saudara kandung sulung yang lebih berusia (petanda). Penggunaan frasa ini menonjolkan kedudukan hierarki yang lebih tinggi serta kuasa terhadap adik-beradiknya. Dari sudut denotasi, dialog tersebut menekankan keutamaan abang berdasarkan faktor usia. Namun, dari sudut konotasi, dialog ini membawa makna tersirat bahawa Abdul Wahab memiliki kuasa dominan, khususnya dalam menentukan pengurusan harta peninggalan bapa, selaras dengan kedudukannya sebagai abang sulung.

Dari sudut pandang agama Islam, masyarakat Melayu sehingga kini cukup memegang utuh ajaran agama Islam. Islam mempunyai hukum yang mengetengahkan isu harta pusaka ibu bapa yang bernama hukum faraid. Hukum faraid tidak memfokuskan kepada hierarki dalam kekeluargaan. Misalnya, anak sulung mendapat harta yang banyak serta anak bongsu mendapat harta yang sedikit. Namun, hukum faraid memperincikan bahawa anak lelaki dan anak perempuan mempunyai status waris yang berbeza (Sinar Harian, 2023). Ini terbukti bahawa Islam hanya mementingkan gender anak dalam pembahagian harta dan bukannya hierarki dalam keluarga seperti yang di firman di dalam surah an-Nisa', ayat 11;

يُورِثُكُمْ أُوْاٰلِدِكُمْ لِلَّذِيْنَ ذَكَرْتُمْ مِثْلُ حَظِّ الَّذِيْنَ ذَكَرْتُمْ فَإِنْ كُنَّ نِسَاءً فَوْقَ اٰلِئْتَيْنِ فَلَهُنَّ ثُلُثَا مَا تَرَكَ وَإِنْ كَانَتْ وَجِدَةً فَلَهَا النِّصْفُ وَلَا يُورِثُهُ لِكُلِّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا اَلْاَسَدُسُ مِمَّا تَرَكَ اِنْ كَانَ لَهُ وَلَدٌ اِنْ لَمْ يَكُنْ لَهُ وَلَدٌ وَوَرِثَتْهُ اَبْوَاهُ فَلَا مِمَّ اَلتَّلْثُ اِنْ كَانَ لَهُ اِخْوَةٌ فَلَا مِمَّ اَلْاَسَدُسُ مِّنْ اَبْعَدٍ وَصِيَّةٌ يُّوْصِيْ بِهَا اَوْ دِيْنٌ اَبَاؤُكُمْ وَاَبْنَاؤُكُمْ لَا تَدْرُوْنَ اَيُّهُمْ اَقْرَبُ لَكُمْ نَفْعًا فَرِيضَةٌ مِّنْ اَيُّهَا اِنْ كَانَ عَلِيْمًا حَكِيْمًا ۙ

Maksud: Allah mensyariatkan (mewajibkan) kepadamu tentang pembagian warisan untuk anak-anakmu, yaitu bahagian seorang anak lelaki sama dengan bahagian dua orang anak perempuan. Jika anak itu semuanya perempuan yang jumlahnya lebih dari dua, bahagian mereka dua pertiga dari harta yang ditinggalkan. Jika dia (anak perempuan) itu seorang saja, dia memperoleh setengah (harta yang ditinggalkan). Untuk kedua orang tua, bahagian masing-masing seperenam dari harta yang ditinggalkan, jika dia (yang meninggal) mempunyai anak. Jika dia (yang meninggal) tidak mempunyai anak dan dia diwarisi oleh kedua orang tuanya (saja), ibunya mendapat sepertiga. Jika dia (yang meninggal) mempunyai beberapa saudara, ibunya mendapat seperenam. (Warisan tersebut dibagi) setelah (dipenuhi) wasiat yang dibuatnya atau (dan dilunasi) utangnya. (Tentang) orang tuamu dan anak-anakmu, kamu tidak mengetahui siapa di antara mereka yang lebih banyak manfaatnya bagimu. Ini adalah ketetapan Allah. Sesungguhnya Allah adalah Maha Mengetahui lagi Maha bijaksana.

Rajah 3.

Babak Abdul Wahub Memarahi Abang-Abangnya



Abdul Wahab dalam dialog D5 menunjukkan penggunaan kuasa sebagai abang sulung dalam perebutan harta, mencerminkan peranan gender melalui hierarki keluarga. Kenyataan “*Ya, kanda berdua memang suka kalau ayahanda mati, sebab kanda berdua boleh membolot segala harta-harta bukan?*” menggambarkan dominasi hak waris yang lebih tertumpu kepada anak lelaki, selaras dengan adat Melayu tradisional. Pada masa dahulu, pembahagian harta dipengaruhi sistem perpatih dan temenggung serta unsur adat Hindu (Jasni Sulong, 2012), manakala kini ditentukan oleh hukum faraid yang menekankan keseimbangan tanggungjawab lelaki dalam nafkah (Khai Hassan, 2020). Dari sudut semiotik, *Tiga Abdul* memaparkan mitos kesetiaan anak yang sering disalah tafsir kerana hakikatnya dipengaruhi kepentingan harta, sekali gus mencetuskan konflik akibat ketamakan dan komunikasi yang lemah (Hanaffi Idris, 2023).

Bagi dialog D7, unsur semiotik ‘anak durhaka’ (penanda) yang diucapkan oleh Abdul Wahab merujuk kepada perbuatan tidak taat dan melawan ibu bapa (petanda). Dalam budaya Melayu, istilah ini membawa konotasi aib besar dan dianggap sebagai dosa serius kerana anak dituntut untuk patuh dan taat. Namun, penggunaan istilah tersebut dalam dialog ini boleh ditafsirkan dalam pelbagai makna, sama ada sebagai gurauan, sindiran atau tuduhan terhadap adiknya.

Melalui pendengaran, dialog tersebut jelas merupakan satu tuduhan bahawa adiknya derhaka. Penggunaan istilah ‘durhaka’ oleh Abdul Wahab sebagai abang sulung menunjukkan beliau menggunakan kedudukannya untuk menuduh secara melulu tanpa bukti kukuh. Sedangkan, tuduhan derhaka bukan perkara ringan kerana dalam Islam, kedudukan ibu bapa sangat tinggi dan setiap anak dituntut untuk taat serta berbuat baik kepada mereka sebagai satu kewajipan (*Utusan Malaysia*, 2023).

Dialog D10 menampilkan unsur semiotik ‘khadam’ (penanda) yang merujuk kepada individu kelas bawahan seperti hamba atau orang suruhan bergaji (petanda) menurut Kamus Dewan (2017). Dalam konteks masyarakat 1960-an, khadam dilihat lemah dan tidak mempunyai hak bersuara. Hal ini jelas dalam dialog apabila Abdul Wahab menengking pembantu rumahnya setelah mempertikaikan keputusan yang dianggap tidak adil, sekali gus memperlihatkan hubungan kuasa dan hierarki yang berat sebelah.

Dialog “Diam! Kau cuma seorang khadam saja!” menunjukkan Abdul Wahab menggunakan nada kasar untuk menegaskan hierarki sosialnya yang lebih tinggi, sekali gus menafikan hak pembantunya untuk bersuara. Unsur semiotik ini menggambarkan bahawa golongan bawahan dianggap tidak berkuasa mempertahankan keadilan, selaras dengan persepsi bahawa majikan mempunyai kuasa untuk menindas (Dari Sudut Psikologi JJSM, 2018). Namun, majikan seharusnya menghormati pembantu sebagai manusia yang mempunyai hak, dan hubungan ini perlu berasaskan saling menghormati kerana kedua-duanya saling memerlukan (Mawarti Ashik Samsudin et al., 2019).

Dialog D11 menampilkan unsur semiotik ‘hitam dan putih’ (penanda) dalam perbualan Abdul Wahab dan Abdul Wahib berkaitan harta, yang merujuk kepada dokumen rasmi seperti wasiat atau perjanjian bertulis (petanda). Secara denotasi, ia hanyalah dua warna berbeza, namun dari sudut konotasi, ia melambangkan ketelusan, pengiktirafan dan bukti sah yang tidak boleh dipersoalkan atau diubah.

Dokumen rasmi amat penting dalam urusan seperti pembahagian harta bagi mengelakkan penindasan dan manipulasi kuasa. Dialog D11 memperlihatkan tindakan Abdul Wahab dan Abdul Wahib yang mengambil kesempatan apabila bapa mereka tidak menyediakan dokumen rasmi, lalu membahagikan harta mengikut hierarki keluarga. Keadaan ini menyebabkan anak sulung dan kedua memperoleh bahagian lebih besar berbanding anak bongsu, sekali gus mencerminkan ketidakseimbangan kuasa dalam pembahagian harta.

Konflik Kekeluargaan

Konflik kekeluargaan biasanya berpunca daripada perselisihan faham, persengketaan dan perebutan harta pusaka. Menurut Muhammad Ridwan (2024), pembahagian warisan sering menjadi punca utama konflik sehingga hubungan adik-beradik terjejas akibat sikap mementingkan harta dan material. Hal ini membuktikan bahawa filem *Tiga Abdul* mencerminkan realiti masyarakat melalui gambaran sikap tamak yang merosakkan hubungan kekeluargaan. Dalam analisis filem ini, pengkaji mengenal pasti empat dialog yang menepati tema konflik kekeluargaan dan mengandungi unsur semiotik berkaitan.

Jadual 2.

Senarai Dialog Bertemakan Konflik Kekeluargaan

KOD	D4
WATAK	Abdul Wahib
MINIT	[30:13]
DIALOG	“Ayahanda, kalau ayahanda mati, siapakah yang akan mewarisi semua harta?”
TEMA	Pewarisan/ Tamak
DENOTASI	Soalan tentang pusaka bila ayah meninggal
KONOTASI I	Bertanyakan soalan yang kurang sopan terhadap si bapa kerana sifat tamak bagi perebutan harta
MITOS	Mitos bahawa lelaki Melayu mesti beradab dan tidak menyuarakan hal kematian kepada orang tua secara terang-terangan.
KOD	D5
WATAK	Abdul Wahub
MINIT	[31:49]
DIALOG	“Ya, kanda berdua memang suka kalau ayahanda mati, sebab kanda berdua boleh membolot segala harta-harta bukan? ”
TEMA	Konflik keluarga/ Satira
DENOTASI	Tuduhan bahawa dua abang ingin ayah mati
KONOTASI I	Mengkritik perlakuan orang yang tamakkan harta sehingga sanggup menanti seseorang itu mati

MITOS	Mitos bahawa anak-anak akan setia kepada ibu bapa padahal ada yang hanya menanti peluang untuk merebut harta
KOD	D6
WATAK	Abdul Wahib
MINIT	[32:46]
DIALOG	“Cuba adinda perhatikan, nama kanda berdua saja yang ayahanda sebut, tapi nama adinda ayahanda tak sebut langsung!”
TEMA	Kebenaran terselindung/ Satira
DENOTASI	Ayah menyebut dua anak saja, bukan si adik
KONOTASI	sikap si abang yang salah erti perwatakan si bapa dan cuba untuk memanipulasi keadaan
MITOS	Mitos bahawa ibu bapa sentiasa adil kepada semua anak
KOD	D9
WATAK	Abdul Wahub
MINIT	[36:55]
DIALOG	“InsyaAllah, di satu hari nanti, hamba akan pulang, pulang dengan membawa kemenangan kelak”
TEMA	konflik kekeluargaan/ pergaduhan adik beradik
DENOTASI	janji yang dibuat oleh si adik bagi menegakkan haknya.
KONOTASI	semangat dan nekad yang dipasung dalam diri si adik bagi pemulihan maruahnyanya dan menentang ketidakadilan abang-abangnya.
MITOS	Mitos bahawa orang yang dizalimi akan dibalas dengan kemenangan oleh takdir atau tuhan.

Analisis Dialog

Dialog D4 yang diujarkan oleh Abdul Wahib, “siapakah yang akan mewarisi semua harta?” (penanda), mencerminkan persoalan tentang pembahagian harta dan penentu hak milik oleh bapa (petanda). Secara zahir, soalan ini bertujuan mendapatkan kepastian, namun secara tersirat menunjukkan sikap tamak dan kurang sopan kerana diajukan ketika ayahnya masih hidup. Hal ini sekali gus menggambarkan konflik keluarga serta bertentangan dengan tuntutan Islam yang menekankan penghormatan dan kebajikan terhadap ibu bapa. Ini terbukti dalam Al-Quran yang terdapat dalam Surah Al-Isra’ 17:23, Allah SWT berfirman;

﴿وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا ۖ إِمَّا يَبُلُغَنَّ عِنْدَكَ الْكِبَرَ أَحَدُهُمَا أَوْ كِلَاهُمَا فَلَا تَقُلْ لَهُمَا أُفٍّ وَلَا تَنْهَرْهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا﴾

Dan Tuhanmu telah memerintahkan supaya engkau tidak menyembah melainkan kepada-Nya semata-mata, dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang daripada keduanya atau kedua-duanya sekali sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu, maka janganlah engkau berkata kepada mereka sebarang perkataan kasar walaupun perkataan “ah”, dan janganlah engkau menengking atau menyergah mereka. Sebaliknya, katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia dan bersopan santun. (*Surah al-Isra’, 17:23*)

Ayat tersebut menekankan bahawa anak-anak perlu bersopan santun terhadap ibu bapa dengan tutur kata yang baik agar tidak tergolong sebagai anak derhaka. Selain itu, dialog ini turut menggambarkan nilai kebendaan yang mengatasi ikatan kekeluargaan dalam keluarga Ismet Ulam Raja, apabila soal kematian ayah dilihat dari sudut perebutan harta pusaka.

Dialog D5 yang menunjukkan unsur semiotik yang dapat dianalisis ialah perkataan “membolot” (penanda), yang membawa maksud mengambil semua keuntungan atau harta untuk kepentingan diri sendiri tanpa mempedulikan orang lain (petanda). Secara tersirat, istilah ini merujuk kepada sikap tamak seseorang terhadap sesuatu perkara.

Dalam Dialog D5, Abdul Wahub menggunakan perkataan ini kepada kedua-dua abangnya sebagai satu tuduhan yang berasas berdasarkan situasi dalam filem. Sikap tamak Abdul Wahab dan Abdul Wahib jelas menimbulkan kemarahan Abdul Wahub. Dialog D4 dan D5 juga saling berkaitan apabila Abdul Wahib mengajukan soalan yang tidak sopan kepada bapa mereka. Tuduhan tersebut sebenarnya bertujuan mengkritik perlakuan tidak bermoral abang-abangnya yang tamakkan harta sehingga mengabaikan perasaan bapa. Pada hakikatnya, anak yang sebenar-benar bertuah bukanlah yang mewarisi harta, tetapi yang sempat berbakti dan bersama ibu bapa hingga ke akhir hayat mereka.

Dialog D6 melibatkan konflik antara Abdul Wahab dan Abdul Wahib terhadap adik bongsu mereka, Abdul Wahub. Unsur semiotik yang ditekankan ialah “*nama kanda berdua saja yang ayahanda sebut*” (penanda), yang menunjukkan hanya dua anak disebut oleh ayahanda pada saat terakhir (petanda). Hal ini menggambarkan pemilihan dan keutamaan bapa, namun disalah tafsir oleh abang-abang sehingga menimbulkan rasa dengki dan konflik adik-beradik. Dialog ini memperlihatkan dua perspektif, iaitu tindakan bapa yang neutral dan tafsiran anak-anak yang dipengaruhi emosi, sekali gus mencerminkan isu pilih kasih dalam keluarga.

Rajah 4.

Babak Abdul Wahib Bertanyakan Soalan Kepada Ismet Ulam Raja



Dialog D4 dapat dikaitkan dengan ideologi yang sama, iaitu isu perebutan harta yang diungkapkan oleh Abdul Wahib: “*Ayahanda, kalau ayahanda mati, siapakah yang akan mewarisi semua harta?*” turut memaparkan ketamakan si abang yang menjurus konflik kekeluargaan. Persoalan ini mencetuskan pergaduhan dengan adiknya, Abdul Wahub, dan menimbulkan kemarahan ayahanda, Ismet Ulam Raja, yang sedang sakit. Ujaran ini mencerminkan sifat tamak dan kepentingan diri anak terhadap harta pusaka, yang bertentangan dengan adat Melayu dan ajaran Islam mengenai kesopanan dalam membicarakan kematian dan hak warisan.

Dari segi peranan gender pula, lelaki berperanan sebagai pemimpin yang perlu bersopan dan bertatasusila bagi mencerminkan kejantanan terhormat (Mohd Nizam Sahad & Syaqq al-Azdi, 2021). Namun, Abdul Wahib menunjukkan sikap sebaliknya apabila bertindak tidak sensitif dan kurang peka, sekali gus menyimpang daripada nilai budaya lelaki Melayu. Tindakannya yang tergesa-gesa membangkitkan isu harta di hadapan ayahanda dianggap tidak beradab dan menjadi punca konflik dengan Abdul Wahab. Sedangkan, sebagai lelaki dan abang, beliau seharusnya menjadi pelindung serta contoh yang baik kepada adiknya.

Seterusnya, dalam Dialog D9, unsur semiotik yang dipilih ialah “*kemenangan*” (penanda) yang merujuk kepada kejayaan dalam sesuatu konflik atau perjuangan (petanda). Dalam dialog ini, Abdul Wahub menyuarakan janji dan azam untuk menuntut hak serta membalas ketidakadilan yang berlaku. Konflik adik-beradik yang berpunca daripada sikap tamak dan tidak adil abang-abangnya mendorong Abdul Wahub untuk mempertahankan maruah diri dan menentang ketidakadilan. Melalui halaman dalam talian Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan hasil penulisan Luqman Tarmizi (2022) yang menjelaskan tentang satu hadis yang berpesan berkaitan isu kezaliman, iaitu:

اَتَّقُوا دَعْوَةَ الْمُظْلَمِ، فَإِنَّهَا لَيْسَ بَيْنَهَا وَبَيْنَ اللَّهِ حِجَابٌ

Maksudnya:

Takutlah terhadap doa orang yang dizalimi, sesungguhnya tiada penghalang antara doa itu dengan Allah SWT.

(Riwayat al-Bukhari, 2448)

Terbukti bahawa setiap kezaliman akan menerima balasan yang setimpal kepada pelakunya. Janji dan azam Abdul Wahub yang dimulakan dengan ungkapan “InsyaAllah” menunjukkan pergantungan kepada Allah, yang secara tidak langsung melambangkan doa seorang yang dizalimi dan teraniaya.

Rajah 5.

Babak Abdul Wahub Membidas Abang-Abangnya



Ketegasan Abdul Wahub dalam dialog D1 “*Hitam ke, kelabu ke, kuning, kenapa peduli, dinda punya pasal, dinda punya wang sendiri*” menyerlahkan peranan gender lelaki sebagai individu berpendirian tegas dan berautonomi. Tindakannya yang menolak norma majlis dan tidak mengikut protokol pakaian mencerminkan dominasi autonomi peribadi, iaitu kebebasan membuat keputusan tanpa tunduk kepada arahan orang lain (*Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka*, 2015). Hal ini menunjukkan keutamaan terhadap kehendak diri berbanding struktur patriarki, selaras dengan dapatan Siti Zaiton Mohd Ajis et al. (2021) bahawa lelaki cenderung membuat penilaian berdasarkan konsep sendiri. Pada era 1960-an, situasi ini turut mencerminkan kebebasan lebih luas yang dimiliki lelaki dalam aspek gaya hidup, kerjaya dan pasangan, sekali gus menegaskan dominasi autonomi peribadi lelaki.

Sindiran Sosial dan Satira

Karya-karya P. Ramlee sering mengandungi kritikan sosial secara halus terhadap kemunafikan dan kepura-puraan masyarakat. Sindiran sosial ialah ungkapan yang menegur isu seperti ketidakadilan dan salah laku, manakala satira merupakan sindiran lebih tajam yang disampaikan melalui humor, ironi atau parodi (Nordiana Ab Jabar & Mohd Faradi Mohamed Ghazali, 2021). Kedua-dua pendekatan ini berfungsi sebagai teguran bertapis untuk meningkatkan kesedaran masyarakat. Dalam filem *Tiga Abdul*, pengkaji mengenal pasti lima dialog yang mengandungi unsur sindiran sosial dan satira seperti dalam Jadual 3.

Jadual 3

Senarai Dialog Bertemakan Sindiran

KOD	D1
WATAK	Abdul Wahub
MINIT	[19:19]
DIALOG	“ <i>Hitam ke, kelabu ke, kuning, kenapa peduli, dinda punya pasal, dinda punya wang sendiri</i> ”
TEMA	Sindiran sosial
DENOTASI	Watak mempertahankan pemilihan sut yang berbeza daripada tema majlis.
KONOTASI	Ungkapan sinis yang menonjolkan sifat keras kepala, tidak tunduk pada peraturan, dan menyindir sikap mengawal pilihan orang lain.

MITOS	Penolakan terhadap norma sosial yang menuntut keseragaman, serta mengangkat nilai kebebasan ekspresi individu.
KOD	D2
WATAK	Abdul Wahab
MINIT	[24:06]
DIALOG	<i>“Hamba paling beruntung malam ini, hamba rasa tuan hambalah yang paling berseri dalam majlis ini”</i>
TEMA	Sindiran sosial
DENOTASI	Ungkapan pujian dalam majlis kepada wanita pujaan hati.
KONOTASI	kata-kata yang berunsur godaan bagi menambat hati si wanita.
MITOS	Mitos bahawa pujian dalam acara rasmi itu tulen, padahal ia hanya bersifat politik dan kepuraan semata.
KOD	D8
WATAK	Abdul Wahub
MINIT	[35:20]
DIALOG	<i>“Erm, rumah yang macam muzium ini ya? em, keputusan kanda memang adil, memang bijak ”</i>
TEMA	Sindiran sosial/ Penghinaan halus
DENOTASI	Rumah lama dikritik sebagai muzium.
KONOTASI	Mengkritik keputusan abang yang bersifat tidak adil secara sinis.
MITOS	Mitos bahawa keputusan orang yang berusia itu adil dan bijak, tetapi berlandaskan bias semata.
KOD	D12
WATAK	Sadiq Sigaraga
MINIT	[39:40]
DIALOG	<i>“Hahahah, bagus! Memang tuan orang yang bijak, kepala otak tuan memang nombor satu! ”</i>
TEMA	Manipulasi / Kepura-puraan
DENOTASI	Puji-pujian kepada si peguam.
KONOTASI	Menampakkan pujian palsu bagi meraih kepercayaan atau faedah semata.
MITOS	Mitos bahawa pujian bermakna adalah ikhlas, tetapi sebagai alat untuk memanipulasi.
KOD	D16
WATAK	Abdul Wahub
MINIT	[53:52]
DIALOG	<i>“Hei disana, bapak disana itu penyamun, abang-abang disini itu penyangak, dah kena dah, penyamun jual si penyangak, hahah~”</i>
TEMA	Kebenaran terselindung/ Satira
DENOTASI	Tuduhan terbuka terhadap pihak lawan.
KONOTASI	Mempamerkan penindasan secara berani dan sarkastik.
MITOS	Mitos bahawa pengkhianatan dalam sistem jahat adalah lumrah.

Analisis Dialog

Dialog D1 oleh Abdul Wahub dalam majlis hari jadi ayahandanya menonjolkan unsur sindiran sosial dan satira iaitu *“kenapa peduli”* (penanda), iaitu menunjukkan persoalan tentang keperluan pihak lain mencampuri urusannya (petanda). Secara denotatif, Abdul Wahub mempertikaikan tindakan abangnya yang terlalu mengambil tahu pilihannya, manakala secara konotatif ia menyindir sikap abang yang suka mengawal adik. Dialog ini menegaskan kebebasan individu dan penolakan terhadap norma sosial yang menuntut keseragaman, selaras dengan prinsip kebebasan berfikir dalam Islam, seperti dinyatakan oleh Siti Nurbaqis Baharuddin et al. (2024). Hal ini turut diperkukuh melalui ungkapan sinis *“dinda punya pasal, dinda punya wang sendiri”* yang menunjukkan hak individu untuk membuat keputusan sendiri

tanpa gangguan pihak lain.

Dialog D2 menonjolkan unsur sindiran sosial dan satira melalui penanda “berseri” yang merujuk kepada daya tarikan wanita (petanda). Pujian Abdul Wahab kepada Hamidah semasa majlis sebenarnya bersifat strategik untuk memikat, bukan ikhlas, selaras dengan pandangan bahawa pujian berlebihan boleh berunsur kepentingan tertentu (Mohd Shahrizal Nasir, 2021). Dialog ini turut menyindir norma sosial majlis formal yang dipenuhi kepura-puraan serta memaparkan peranan gender, di mana pujian digunakan sebagai cara halus lelaki menarik perhatian wanita. Ini dapat dibuktikan melalui pujian Abdul Wahab kepada Hamidah: “*Hamba paling beruntung malam ini, hamba rasa tuan hambalah yang paling berseri dalam majlis ini*”. Ungkapan ini berfungsi sebagai langkah awal lelaki memikat wanita, mempamerkan kesopanan dan godaan halus.

Rajah 6.

Babak Abdul Wahab Memikat Hamidah



Dalam tradisi budaya, lelaki sering dinormalisasikan untuk melakukan *first move* (Diva Sulistyazahra et al., 2023). Dalam filem *3 Abdul*, Abdul Wahab menonjol dengan memikat Hamidah di tengah majlis yang penuh kepura-puraan, sekali gus memperlihatkan peranan lelaki yang aktif dan dominan dalam perbualan, manakala wanita digambarkan pasif. Pada era 1960-an, lelaki sebagai peneraju sosial dan ekonomi mempunyai kuasa memilih pasangan, mencerminkan dominasi lelaki dalam usaha memikat wanita.

Dialog D8 memaparkan unsur sindiran sosial dan penghinaan halus melalui penanda “*keputusan kanda memang adil, memang bijak*”, yang petandanya menyiratkan keputusan abang sulung, Abdul Wahab, sebenarnya berat sebelah dan tidak adil. Secara denotatif, ia kelihatan seperti pujian, namun tersirat sindiran yang menunjukkan rasa marah dan kecewa Abdul Wahab terhadap kewibawaan abangnya. Ungkapan ini berfungsi sebagai ‘topeng’ pujian, menandakan bantahan secara terselindung, sekaligus menunjukkan bagaimana bahasa boleh menjadi alat menyembunyikan atau mendedahkan kuasa dan ideologi. Perspektif ini menekankan bahawa keputusan abang sulung, walaupun berstatus tertua, tidak semestinya bijak atau adil terhadap adik-adiknya.

Dialog D12 memperlihatkan unsur semiotik yang selari dengan D8 dalam konteks peranan gender, apabila Sadiq Sigaraga memuji Tuan Penasihat sebagai tanda persetujuan terhadap rancangan memperdaya anak-anaknya demi harta. Pujian tersebut bukanlah ikhlas, sebaliknya bertujuan mengukuhkan pengaruh dan kepentingan tertentu, sekali gus menonjolkan sifat tamak yang mengatasi perasaan anak-anaknya. Situasi ini mencerminkan mitos pujian yang kelihatan tulen, tetapi hakikatnya bersifat manipulatif.

Rajah 7.

Babak Sadiq Sigaraga Memberi Pujian Palsu Kepada Tuan Penasihat



Babak ini menggambarkan lelaki sebagai individu bijak yang mampu memanipulasi keadaan melalui kata-kata, manakala wanita digambarkan tidak berkuasa dan menjadi alat dalam strategi licik lelaki. Menurut Nur Fatin Najihah Shuhaimi (2020), wanita sering didiskriminasikan sebagai lemah dan hanya menurut telunjuk lelaki. Pujian dalam dialog tersebut bukan untuk menghargai wanita, sebaliknya berfungsi memperkukuh strategi manipulatif lelaki, menjadikan wanita sebagai medium semata-mata.

Dialog D12 yang diujarkan oleh Sadiq Sigaraga dengan penanda “*kepala otak tuan memang nombor satu*” membawa petanda sebagai pujian terhadap kebijaksanaan serta sindiran terhadap kelicikan. Secara denotatif, ia kelihatan sebagai pujian, namun secara konotatif merupakan strategi manipulatif untuk meraih kepercayaan dan mempengaruhi keputusan demi kepentingan sendiri. Dialog ini turut mencerminkan dorongan nafsu tamak yang mendorong kepada kejahatan, selaras dengan pandangan Syekh Muhammad Mutawalli Syara’wi. Firman Allah SWT dalam Surah Yusuf: 53 iaitu;

إِنَّ النَّفْسَ لَأَمَّارَةٌ بِالسُّوءِ إِلَّا مَا رَجِمَ رَبِّي

Maksudnya: “*Sesungguhnya nafsu manusia itu sangat menyuruh melakukan kejahatan, kecuali orang-orang yang telah diberi rahmat oleh Tuhanku (maka terselamatlah ia dari hasutan nafsu itu).*”

Dialog D16 oleh Abdul Wahub menonjolkan tema sindiran sosial dan satira melalui penanda “*penyamun-penyangak*”, yang petandanya menyindir dua pihak yang jahat. Secara literal, *penyamun* merujuk kepada Sadiq Sigaraga, manakala *penyangak* merujuk kepada Abdul Wahab dan Abdul Wahib. Ungkapan “*penyamun jual penyangak*” menggambarkan pengkhianatan antara dua pihak yang tamak dan licik, sekaligus menonjolkan sifat manipulatif dan konflik moral dalam filem.

Dialog sindiran dan satira ini disampaikan secara sarkastik, menyindir sistem feodal dan ketamakan golongan atasan. Abdul Wahab, Abdul Wahib, dan Sadiq Sigaraga mewakili bangsawan dan saudagar kaya yang tamak, saling menindas golongan bawahan. Jenaka yang timbul menunjukkan “*makan sesama sendiri*”, iaitu pengkhianat dan penindas akhirnya menerima balasan setimpal kerana sifat tamak mereka menguasai tindakan.

Cinta dan Manipulasi Emosi

Tema terakhir dalam filem *Tiga Abdul* ialah cinta dan manipulasi emosi, di mana kata-kata cinta digunakan sebagai strategi halus yang berkait dengan perasaan dan emosi. Cinta merujuk kepada keikhlasan, pengorbanan dan nilai moral (Syaidatun Nazirah A. Z., 2024), manakala manipulasi emosi ialah taktik mempengaruhi pemikiran dan tindakan individu. Dalam kerangka semiotik Roland Barthes, terdapat dua dialog yang menonjolkan ekspresi cinta serta satu dialog yang memperlihatkan unsur manipulasi emosi.

Jadual 4

Senarai Dialog Bertemakan Cinta dan manipulasi Emosi

KOD	D13
WATAK	Abdul Wahab
MINIT	[41:58]
DIALOG	“ <i>Burung yang memakai tarbus tidak ada disini, tetapi orang yang memakai tarbus, belum ada yang punya~</i> ”
TEMA	Emosi/ Cinta berlebihan
DENOTASI	tiada burung bertarbus tetapi hanya ada lelaki bertarbus yang belum dimiliki
KONOTASI	kiasan berbentuk sindiran halus bagi memikat hati si wanita yang menandakan bahawa dirinya masih tidak mempunyai dan menginginkan si wanita tersebut.

MITOS	mitos bahawa lelaki yang pandai dalam berkata-kata adalah simbol kekelakian ideal dalam budaya Melayu klasik.
KOD	D14
WATAK	Abdul Wahib
MINIT	[43:33]
DIALOG	<i>“Hai~ kanda pon lebih dasyat dinda, makan tak kenyang, tidur tak basah, mandi tak lena”</i>
TEMA	Emosi/ Cinta berlebihan
DENOTASI	Menunjukkan kesan emosi berlebihan
KONOTASI	Drama cinta berlebihan bagi meraih simpati si wanita semata
MITOS	Mitos bahawa lelaki perlu menjadi dramatik atau menderita untuk menunjukkan cinta sejati.
KOD	D15
WATAK	Abdul Wahab
MINIT	[52:00]
DIALOG	<i>“Tidak~Cuma anakanda bergurau saja~”</i>
TEMA	Memanipulasi emosi
DENOTASI	Nafikan kenyataan sebelumnya
KONOTASI	Ejekan halus bagi menutup kebenaran dengan berlapik dan memanipulatif
MITOS	Mitos bahawa kata-kata yang lembut membawa makna yang tidak serius.

Analisis Dialog

Dialog D13 oleh Abdul Wahab kepada Hamidah menonjolkan unsur cinta dan sindiran halus melalui penanda *“tarbus”*, yang petandanya melambangkan kematangan, kekelakian, dan status sosial lelaki bangsawan dalam budaya Melayu. Secara literal, tarbus ialah kopiah tinggi yang dipakai lelaki dewasa dalam majlis rasmi, hasil pengaruh budaya Turki Uthmaniyyah. Abdul Wahab menggunakan simbol ini secara kiasan dan romantik untuk menarik perhatian Hamidah, menunjukkan budi bahasa, sopan santun, dan maksud tersirat bahawa dirinya masih bujang dan menginginkan wanita itu. Dialog ini jelas sarat dengan unsur semiotik yang berkait rapat dengan tema percintaan.

Rajah 8.

Babak Abdul Wahab Memberi Kiasan Kepada Hamidah



Dialog D14 oleh Abdul Wahib kepada Rafidah menonjolkan tema cinta dan manipulasi emosi melalui penanda *“Makan tak kenyang, tidur tak basah, mandi tak lena”*, yang petandanya menggambarkan jiwa kacau dan gelisah akibat cinta. Secara denotatif, ungkapan ini melambangkan gangguan selera, tidur, dan kesegaran diri akibat perasaan rindu berlebihan. Ungkapan ini selaras dengan peribahasa Melayu *“siang terkenang-kenang, makan tak kenyang, tidur tak lena, mandi tak basah, berminyak tak licin”*, menekankan dramatik dan intensiti cinta seorang lelaki terhadap wanita idamannya, sekaligus menzahirkan perasaan yang menyeksakan jiwa.

Dialog D15 oleh Abdul Wahab menonjolkan penanda “*bergurau*”, yang petandanya menggambarkan sindiran halus untuk meredakan ketegangan dan memanipulasi emosi Sadiq Sigaraga. Secara literal, *bergurau* bermaksud berbual secara bermain-main, tetapi dalam konteks ini, ia menyembunyikan tekanan emosi dan kebenaran di sebalik kata-kata lembut. Strategi ini menunjukkan bagaimana bahasa digunakan untuk menutup maksud sebenar, menyampaikan sindiran dengan nada halus, dan mempengaruhi persepsi pendengar tanpa menimbulkan konfrontasi langsung.

Rajah 9.

Babak Abdul Wahib Memanipulasi Pemikiran Abdul Wahab



Dialog D6 “*Cuba adinda perhatikan, nama kanda berdua saja yang ayahanda sebut, tapi nama adinda ayahanda tak sebut langsung!*” telah menunjukkan peranan gender dalam memanipulasikan seseorang emosi hanya melalui kata-kata. Pada saat-saat akhir Ismet Ulam Raja, hanya nama Abdul Wahab dan Abdul Wahib disebut, manakala Abdul Wahub tidak disebut. Abdul Wahib mengambil kesempatan ini untuk memanipulasi Abdul Wahub agar percaya dirinya tidak disayangi, sekaligus memperkeruh konflik di antara ketiga-tiga adik-beradik.

Terdapat mitos dalam masyarakat Melayu bahawa ibu bapa sentiasa berlaku adil terhadap semua anak, sedangkan hakikatnya wujud sikap pilih kasih (Nur Azwani Mansor @ Noordin, 2023). Ibu bapa cenderung memberi perhatian lebih kepada anak yang berjaya, sekali gus mencetuskan konflik seperti pergaduhan adik-beradik. Selain itu, kasih sayang juga kadangkala dipengaruhi faktor usia dan jantina, misalnya anak lelaki sulung dianggap lebih layak mewarisi kuasa dan harta, walaupun kematangan tidak semestinya bergantung pada usia. Hal ini dapat dilihat dalam filem *Tiga Abdul* apabila Ismet Ulam Raja menyerahkan kuasa pembahagian harta kepada anak sulungnya, Abdul Wahab. Fenomena ini mencerminkan realiti masyarakat Melayu era 1960-an yang mengutamakan lelaki lebih tua dalam soal kuasa dan warisan.

5. Kesimpulan

Melalui pendekatan ini, didapati unsur semiotik memainkan peranan yang penting dalam menghidupkan watak di dalam filem *Tiga Abdul*. Setiap watak berperanan dalam menyampaikan nilai dan ideologi masyarakat yang mampu memberi pedoman kepada penonton. Hasil kajian ini telah berjaya mengenal pasti beberapa unsur semiotik yang secara signifikan memperlihatkan peranan lelaki yang dominan dalam pelbagai aspek dan struktur sosial sebagaimana yang digambarkan dalam filem *Tiga Abdul*. Kajian ini mampu memberi pendedahan secara mendalam untuk menganalisis unsur semiotik dalam representasi gender dalam karya filem Melayu klasik. Selain itu, kajian ini mampu meningkatkan kesedaran khalayak terhadap elemen dialog dan naratif mampu membentuk persepsi masyarakat terhadap dominasi lelaki. Oleh itu, kajian ini mampu memberikan sumbangan yang membawa implikasi merentasi pelbagai aspek, antaranya ialah kuasa dan hierarki sosial, konflik kekeluargaan, sindiran sosial dan satira serta cinta dan manipulasi emosi. Kajian lanjutan boleh memberi tumpuan kepada perbandingan representasi gender dengan menggunakan Teori Semiotik alternatif seperti Charles Peirce atau Umberto Eco. Selain itu, kajian akan datang juga boleh meneliti representasi watak wanita dalam filem Melayu klasik. Kesimpulannya, kajian ini membuktikan bahawa filem *Tiga Abdul* (1964) sarat dengan makna tersirat yang mencerminkan struktur sosial, nilai budaya dan peranan gender masyarakat Melayu era 1960-an, sekali gus menyumbang kepada pemahaman dialog filem sebagai medium

penyampaian ideologi.

Rujukan

- Admin PMWP. (2020). *Laman Utama*. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan.
- Amanda Pong Fui Lin & Ena Herni Wasli. (2024). Bahasa Kasar dan Hierarki Sosial: Kajian terhadap Harga Diri dalam Cerpen-Cerpen Shawal Rajab. *International Journal of Linguistics*, 2(3), 260.
- Barthes, Roland. 1970. *S/Z*. Paris: Editions du Seuil.
- Callista Kevinia, Putri Sayahara Putri Syahara, Salwa Aulia & Tengku Astari. (2022). Analisis Teori Semiotika Roland Barthes Dalam Film *Miracle in Cell No. 7* Versi Indonesia. *COMMUSTY Journal of Communication Studies and Society*, 1(2), 38-43.
- Dari Sudut Psikologi JJSM. (2018). *Dari Sudut Psikologi JJSM*. Facebook.
- Dhian Bintariana. (2019). Representasi Perempuan dan Alam Dalam film *moana* Karya Sutradara Ron Climent Dan John Musker (Kajian semiotik Roland Barthes) | bintariana | jurnal sapala.
- Dina Risvika Candra Kusumah, Abdul Muiz Hasim, Asep Nurjamin, Agus Hamdani & Ardi Mulyana Haryadi. (2023) Kajian Struktural Semiotik Novel “Pudarnya Pesona Cleopatra” Karya Habiburrahman El Shirazy.
- Diva Sulistyazahra, Rieka Dyah Mareta Valburyningrum & Muhammad Rifqi Izzati Rokhman. (2023). Fenomenologi Wanita Melakukan First Move Dalam Percintaan. In *Prosiding Seminar Nasional Ilmu Ilmu Sosial (SNIIS)* (Vol. 2, pp. 554-565).
- En. Hanaffi Idris. (2023). *Punca Perebutan harta pusaka : Ikuti Kes Dan Pengajaran*. hanaffi.com - Pengurusan Harta Pusaka Islam. <https://hanaffi.com/kes-pertelagahan-perebutan-harta-pusaka-sebab-pengajaran/?utm>
- Fairuladlan Hamadun, Nasirin Abdillah, Norman Yusoff & Nur Syahirah Anani Nor Adzli. (2021). Representasi stailistik Filem *Hang Tuah* (1956). *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, 9(1), 1-17.
- Hanny Maulida Mawaddah & Ahmad Supena. (2024). Analisis Semiotika Teori Roland Barthes Dalam Kumpulan Puisi “Kopi, Kretek, Cinta” Karya Agus R. Sarjono. *Bahtera Indonesia; Jurnal Penelitian Bahasa dan Sastra Indonesia*, 9(2), 554-563.
- Hazwani Hisham & Siti Noraini Hamzah. (2025). Bahasa Kiasan Dalam Lagu P. Ramlee Berdasarkan Teori Relevans. *Jurnal Wacana Sarjana*, 9(1), 1-17.
- Indirawati Zahid & Muhammad Nasri Selamat. (2022). Maksim Perbualan dan Keberkesanan Komunikasi: Analisis Tekstual Podcast Temu Bual Kesihatan: Conversational Maxims and Effective Communication: Textual Analysis in Health Podcast Interview. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 12(2), 28-40.
- Jasni Sulong. (2012). Amalan Pembahagian Harta Pusaka Dalam Kalangan Masyarakat Melayu Di Malaysia. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 23(1), 99-131.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2017). Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Khair Hassan. (2020). *Pusaka: Mengapa Bahagian Lelaki Lebih Banyak dari Bahagian Perempuan?: Umum - oh! media*. Pusaka: Mengapa Bahagian Lelaki Lebih Banyak Dari Bahagian Perempuan? | Oh! Media.
- Lerisa Ramadhea, Ade Kusmana & Julisah Izar. (2022). Ungkapan Pujian Bahasa Melayu Jambi di Masyarakat Melayu Kota Jambi. *Kajian Linguistik dan Sastra*, 1(2), 129.
- M Fazmi Hisham & Zairul Anuar Md Dawam. (2019). *Analisis semiotik Warna Terhadap latar Dan Watak Filem Lelaki Harapan dunia (2014)*. View of analisis semiotik Warna Terhadap latar Dan Watak Filem Lelaki Harapan dunia (2014).
- M Fazmi Hisham, Zairul Anuar Md. Dawam & I A Achin. (2019). Semiotic analysis on characters “Terbaik dari langit.”
- MALAY, W. E. I. N. (2019). Emansipasi Wanita Dalam Sosial Menerusi Novel-Novel Pilihan 1960-an-1990-an. *Journal of Kesidang*, 4, 38-52.
- Mary Fatimah Subet, Nur Ezatull Fadtehah Hedel, Musdi Hj. Shanat & Shahira Johan. (2024). ANALISIS SEMANTIK INKUISITIF UNTUK MENGESAN PEMIKIRAN TINGGI MASYARAKAT MELAYU DALAM FILEM KLASIK P. RAMLEE. EXTENDED ABSTRACT BOOK, 71.
- Mawarti Samsudin, Nurul Nadia Abd Aziz & Azeman Abd Majid. (2019). *(PDF) Jenis-Jenis Hubungan di Antara Majikan dan Pembantu rumah asing (types of relationships between employers and foreign maids)*. ResearchGate.
- Md. Azalanshah Md Syed, Kamal Solhaimi Fadzil & Siti Rosmani Md Zin@Zakaria. (2025). HERO MELAYU: PEMERIHAN MASKULINITI, PENAMPILAN DIRI DAN ISU-ISU POPULAR TERPILIH DALAM MEDIA SOSIAL MALAY HERO: DESCRIPTIONS OF MASCULINITY, SELF-APPEARANCES AND SELECTED POPULAR ISSUES IN SOCIAL MEDIA.

- Mohd Hanif Muhd Nasir. (2023). *Suai Guna Semula Ke Atas Nilai Warisan: Kajian Kes Rumah Agam Cheong Fatt Tze*.
- Mohd Nizam Sahad & Syaqq Al-Azdi. (2021). - *Kesopanan Dan Kesusilaan nadi keharmonian negara*. BERNAMA.
- Mohd Shahrizal Nasir. (2021). *Antara Bodek Dan Ikhlas*. Harian Metro.
- Muhammad Ridwan. (2024). Konflik Keluarga Dalam Pembagian Warisan: Perspektif Hukum Islam Dan Solusinya. *Al-Istinbath: Jurnal Ilmu Hukum dan Hukum Keluarga Islam*, 1(4), 168-176.
- Mulyazir & Muhammad Fadhilah. (2023). KONSEP SEMIOTIKA ROLAND BARTHES DAN APLIKASINYA TERHADAP KAJIAN AL-QURAN. *Al-Fathanah*, 3(1, April).
- Ninuk Lustyantie. (2012). Pendekatan semiotik model Roland Barthes dalam karya sastra Prancis. In *Seminar Nasional Fib Ui* (Vol. 19).
- Nor Izzah A. Wahab (2023). Penerapan Bahasa Halus Dalam Filem Melayu Klasik Terpilih Tahun 60-an : Lambang Kesantunan Masyarakat Melayu.
- Nordiana Ab Jabar & Mohd Faradi Mohamed Ghazali (2021). Komunikasi Bahasa sindiran Dalam Seloka Pak pandir Dan Pak Kaduk. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 37(1), 363–378.
- Nur Afifah Vanitha Abdullah & Intan Zainatul Maria Zainudin (2021). Aspek sosiologi filem Pendekar Bujang Lapok (1959). *Jurnal Melayu*, 487-505.
- Nur Azwani Mansor@Noordin. (2020). Perbezaan Sosialisasi Gender dalam Ruang Lingkup Budaya.
- Nur Azwani Mansor@Noordin. (2023). Sosialisasi pendidikan gender dalam keluarga menurut perspektif Islam: Socialization of gender education in family according to Islamic perspective.
- Nur Ezatull Fadtehah Hedel & Mary Fatimah Subet. (2023). Perbualan berimplisit dalam Filem-Filem Klasik Malaysia (P. Ramlee): Analisis Semantik Inkuisitif: Implicit Conversations in Malaysian Classic Films (P. Ramlee): Inquisitive Semantics Analysis. *LSP Ranker Film*. (2025). The best P. ramlee movies.
- Rene Godenne. (2005). *Roland Barthes, S/Z. Essais, Paris, éditions du Seuil, 1970, " Tel Quel ", 278 p.*
- Rosli Sareya & Sharifuddin Zainal. (2022). PENGAPLIKASIAN TEORI SEMIOTIK DALAM MENTAFSIR MAKNA DAN PEMAKNAAN DALAM TELEMOTIE SOROK BAU BUDU.
- Shuhaimi, N. F. N. (2020). Holdings: Representasi Wanita Dalam Filem melayu pasca-2000: Filem Embun (2002) Dan Buai Laju-Laju (2004).
- Siti Hardiyanti Amri (2021). Analisis Gender dalam Cerita Rakyat (Kajian Semiotika Roland Barthes): Gender Analysis in Folklore (The Semiotic Study of Roland Barthes). *Kibas Cenderawasih*, 18(1), 100-113.
- Siti Nurbalqis Baharuddin, Nur Uswah Ahmad Fauzi, Raziah Omar & Mohd Shariff Al-Faateh Che Alias. (2024). *NILAI KEBEBASAN MANUSIA DARI PERSPEKTIF ISLAM DALAM KELESTARIAN KEHARMONIAN*.
- Siti Zaiton Mohd Ajis, Arina Anis Azlan & Emma Mohamad (2021) Pembangunan Indikator Kesejahteraan Lelaki di Malaysia Melalui Perspektif Komunikasi Intrapersonal: Analisis Faktor Penerokaan.
- Syaidatun Nazirah A. Z. & Maslawati M. (2024). *Definisi Cinta Dalam kalangan remaja prasiswazah Muslim di Institusi pengajian tinggi Malaysia*. *Global Journal Al-Thaqafah*.
- Tarmizi, L. (2022). *Laman Utama*. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan.
- Weber, M., Roth, G., & Wittich, C. (2013). *Economy and society: An outline of interpretive sociology*. University of California Press.
- Yohanes Nggai. (2022). Kajian tentang Gender dari Persepektif Adat Lio di Desa Mauloo Kecamatan Paga. *De Cive: Jurnal Penelitian Pendidikan Pancasila Dan Kewarganegaraan*, 2(11), 403-412.
- Zahari Mahad Musa. (2023). Fahami Kedudukan anak untuk Habuan Faraid. *Sinar Harian*.

Biodata Penulis

Nurul Jamilah Bt. Rosly (Dr.) ialah pensyarah di UIAM Kampus Pagoh. Beliau berpengalaman mengajar di CELPAD, Kampus Gombak dan Kuliyyah dan Pengurusan Bahasa, Kampus Pagoh. Bidang kepakaran beliau ialah Semantik dan Leksikografi, Morfologi dan Sintaksis. Beliau mempunyai dua penerbitan buku, iaitu Teori Semantik Struktural dalam Semantik Bahasa Melayu dan Kaedah Penyelidikan Bahasa Melayu. Selain itu, beliau juga menerbitkan lebih 10 artikel dalam bidang kajian semantik dan pragmatik.